

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : DATO' HASBULLAH BIN OSMAN
[GERIK – BN]**

SOALAN (NO. 44)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan penjelasan adakah pihak Kementerian masih merancang untuk melaksanakan kompleks belia dan sukan di Parlimen Gerik seperti yang diluluskan sebelum ini dan bilakah pelaksanaan tersebut akan dimulakan.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian menerima banyak permohonan di peringkat daerah dan Parlimen untuk pembinaan infrastruktur dan fasiliti sukan termasuk cadangan Kompleks Belia dan Sukan di Parlimen Gerik. Kesemua cadangan projek tersebut dinilai dan diteliti sebelum ia dikemukakan kepada pihak EPU untuk kelulusan berdasarkan faktor kesesuaian lokasi, permintaan populasi setempat, kemudahan yang telah disediakan oleh pihak Kerajaan Negeri/PBT dan implikasi kos projek yang terlibat. Kementerian akan mengambil kira permohonan oleh Yang Berhormat untuk disenaraikan di bawah projek RMKe-11 (2016-2020).

Sekian, terima kasih.